

## **PEMIKIRAN MALIK BIN NABI MENGENAI PROBLEM TAMADUN DUNIA ISLAM KINI**

Prof. Madya Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid  
Fakulti Usuluddin Akademi Islam  
Universiti Malaya

*The article discusses ideas of a well known scholar, Malik bin Nabi, concerning the problems in the Muslim World.*

Jika benarlah pendapat Abu'l Hasan Ali Al-Nadwi yang dunia Islam sudah mandul dari melahirkan pemikir agung selepas Ibn Kahldun (m. 1406M.), kahadiran Muhammad Iqbal dan Malik bin Nabi (m. 1973M.) sekurang-kurangnya dapat membuktikan sebenarnya dunia Islam masih berupaya melahirkan tokoh-tokoh Pemikir yang besar. Malah Malik bin Nabi adalah ahli falsafah sosial yang pertama selepas zaman Ibn Khaldun.<sup>1</sup> Kalau Iqbal memercikkan api dengan imaginasi puisinya, Malik dengan prosanya yang murni membandingkan peradaban Islam dan Barat.<sup>2</sup>

Tapi anihnya, sebagai seorang Pemikir Islam berbangsa Arab yang lahir di Algeria, nama Malik bin Nabi yang lebih dikenali di Barat dengan Ben Nabi itu tidak begitu dikenali di dunia Arab atau sekurang-kurangnya oleh penuntut-

---

<sup>1</sup> Asma Rashid, "Kehidupan, zaman dan Pemikiran", dalam Malek Bennabi, *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal. 3.

<sup>2</sup> Anwar Ibrahim, "Kata Pengantar" dlm. *Ibid.*, hal. XIV.

penuntut Islam yang belajar di negara-negara Arab. Ini kerana hampir kesemua tulisan-tulisan beliau ditulis dalam bahasa Perancis, dan penuntut-penuntut itu hanya terdedah kepada ilmu klasik sahaja. Hanya pada masa akhir-akhir ini, selepas lebih satu dekad kematiannya, karya-karya beliau diterbitkan ke dalam bahasa Arab, dan ia mula mendapat perhatian umum.

Adapun tulisan beliau dalam bahasa Melayu sekurang-kurangnya dua buah bukunya telah diterbitkan iaitu *Fenomena al-Qur'an* (1984)<sup>1</sup> dan *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat* (1991).<sup>2</sup>

Justeru itu, walaupun Malik bin Nabi dianggap tokoh yang pertama di dunia Islam dan dunia Arab yang menulis tentang kebangkitan Islam, tetapi beliau tidak tertonjol. Sumbangan Umar Kamil Masqawi, seorang peguam yang bertanggungjawab sebagai Penyelia kepada "Seminar Malik bin Nabi" di Lebanon dan diberi tanggungjawab memelihara hak-hak atas karya Malik, sama ada yang tersebar dalam bahasa Arab, Perancis atau lainnya. Kini pemikiran Ben Nabi mula tersebar luas, malah kajian-kajian mengenai pemikirannya mendapat perhatian dan dijadikan beberapa tajuk tesis dan disertasi di universiti-universiti.

### Latarbelakang

Mengenali latarbelakang Malik bin Nabi adalah penting, kerana hasil pemikiran mana-mana pemikir bukanlah dilahirkan oleh ijihad si pemikir semata-mata. Ia turut dipengaruhi sama oleh zaman dan lingkungan sosialnya.<sup>3</sup>

Ada baiknya sebelum dipaparkan pemikiran tokoh ini tentang tamadun diperkenal serba ringkas gambaran sejarah masyarakat Algeria pada abad 20M. dan kedudukannya dari segi politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, serta memperkatakannya secara ringkas riwayat hidup tokoh yang dibicarakan ini.

Berdasarkan bukunya *Muzakkirat Shahid Lil-Qarn* (1984),<sup>4</sup> iaitu sebuah autobiografi Malik, ternyata antara ciri-ciri masyarakat Algeria pada waktu itu

---

<sup>1</sup>Diterbit oleh International Islamic Federation of Student Organization. Penterjemahnya ialah Saleh Mahfoed.

<sup>2</sup>Buku diterjemahkan dari edisi Bahasa Inggeris, *Islam in History and Society* (1987), diterbit oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Penterjemahnya ialah Ismail Ahmad.

<sup>3</sup>Dr. Ali al-Quraishi, *al-Taghyir al-Ijtima'i `Inda Malik Bin Nabi*, al-Zahra', Kaherah, 1989, hal. 15.

<sup>4</sup>Mengandungi dua jilid dicetak oleh Dar al-Fikr, Damshiq.

ialah cukup merasa bangga dengan agama, adat resam dan warisan mereka. Namun dari segi yang lain, masyarakat berada di dalam kemunduran seperti apa yang dihadapi oleh kebanyakan dunia Islam di tempat-tempat lain juga, khususnya kerana berleluasa kejahilan dan ketiadaan ulama yang memberikan pimpinan yang berdaya maju. Dunia Islam benar-benar mundur.<sup>1</sup>

Agama pada waktu itu dibawa oleh ahli-ahli tariqat di zawiyyah-zawiyyah yang turut memberi saham kepada kemunduran sosial, walaupun pada anggapan mereka mencapai kemajuan rohani. Suasana ini dieksplotasi sepenuhnya oleh penjajah Barat yang menyekat sebarang aliran yang positif. Malah menurut setengah penyelidik, Algeria menghadapi dua penjajahan: Penjajahan luaran iaitu perancis, dan penjajahan dalaman iaitu tariqat-tariqat tasawuf, yang banyak negatif dari positif.<sup>2</sup>

Pejajahan Perancis berjaya menjadikan negeri taklukannya Algeria terjah hampir dalam kesemua bidang kehidupan. Contohnya di bidang ekonomi, tanah-tanah subur dirampas dan diletakkan di bawah kuasa pemilik-pemilik bangsa Eropah, sedang majoriti petani memiliki tanah-tanah gersang tanpa infra-struktur yang cukup.<sup>3</sup>

Dari sistem ekonomi yang ditaja oleh penjajahan Perancis menjadikan kegiatan ekonomi diterajui oleh bangsa Eropah yang menguasai sumber kekayaan dan perdagangan di bandar-bandar. Golongan kecil ini menguasai ekonomi dan diikuti oleh golongan birokrasi kerajaan pejajah yang sebahagian terbesar dari bangsa Eropah, hanya sebilangan kecil dari anak-anak negeri. Adapun golongan majoriti rakyat yang terdiri dari petani, buruh, peniaga kecil hidup dalam kesusahan.<sup>4</sup>

Kemunduran dari segi sosial juga jelas dirasai oleh masyarakat Algeria pada masa itu. Ini jelas kelihatan dari segi kesihatan, pemakanan, tempat tinggal. Kemudahan kesihatan tidak cukup, kekurangan doktor amat ketara sekali, begitu juga dengan institusi-institusi kesihatan. Ini menjadikan rakyat menggunakan perkhidmatan perubatan secara tradisional.

Polisi pecah dan perintah penjajah membahagikan rakyat kepada etnik Arab dan Barbarian. Semangat perkauman sentiasa ditiupkan. Sementara

---

<sup>1</sup>Malik Bin Nabi, *Muzakkirat*, lihat sama, Ali al-Quraishi, *op.cit.*, hal. 16.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 18.

hubungan penduduk asli Algeria dan pendatang yang di bawa masuk oleh penjajah selalu menimbulkan ketegangan. Umpamanya orang Eropah pendatang dapat menikmati berbagai jenis jaminan sosial, ekonomi dan politik. Mereka diberi pelepasan cukai, kemudahan bagi buruh dan petani Eropah, malah diberi bantuan teknikal, selain dari mendapat kemudahan perkhidmatan kesihatan.<sup>1</sup>

Polisi penjajah membuatkan ramai rakyat Algeria berhijrah ke luar negeri seperti ke Perancis, yang para kapitalisnya pula membuka tangan seluas-luasnya bagi mendapatkan tenaga buruh untuk syarikat dan industri mereka. Apalagi dalam sektor kerja-kerja berisiko tinggi seperti di kawasan perlombongan dan pembinaan.<sup>2</sup>

Kebudayaan dan pengajaran masyarakat Algeria sebelum itu masih mewarisi budaya dan pengajaran Islam, namun sejak 1830M, beberapa kumpulan missionary bekerja keras untuk menarik orang Islam menganut agama Kristian. Namun usaha sedemikian tidaklah berhasil, malah ia semakin memperkuatkan lagi pengangan umat Islam Algeria. Walau bagaimanapun Perancis cuba campurtangan sehingga dalam menentukan imam-imam di masjid, mengawal isi khutbah, walaupun dari segi perlembagaan menghalang Perancis campurtangan dalam urusan keagamaan.<sup>3</sup>

Polisi pengajaran pula menafikan bahasa ibunda dan hanya memberar sistem pelajaran yang menggunakan bahasa Perancis. Sementara peluang belajar hanya terbuka kepada sebahagian kecil anak negeri sahaja.<sup>4</sup>

Dengan ini bererti, Perancis bukan setakat melemahkan ekonomi masyarakat Algeria, tetapi turut melemahkan kebudayaan tempatan dengan menggantikan kebudayaan Perancis. Ini jelas kelihatan dalam perkembangan pelajaran, persurat khabaran, media massa, malah surat-surat kiriman yang ditulis pada sampulnya dengan bahasa Arab tidak akan dilayani dengan baik.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Ibid., hal. 19.

<sup>2</sup>Malik Bin Nabi ketika berusia dua puluh tahun turut berhijrah. Pada masa itu beribu-ribu rakyat Algeria menjadi buruh di Paris. Penghijrahan beramai-ramai ini menimbulkan keresahan kepada Perancis. (Lihat: Malik Bin Nabi, *Mazakkirat*, hal. 140 - 145).

<sup>3</sup>Mahmud Qasim, *al-Imam Abd-al-Hamid bin Badis al-Za`im al-Ruhi Li-Harb al-Tahrir al-Jaza'iriyah*, Dar-al-Ma`arif, Kahirah, 1968, hal. 22.

<sup>4</sup>Ibid., hal. 8.

<sup>5</sup>Ali al-Quraishi, *op.cit.*, hal. 23.

Dari segi politik keadaannya lebih parah. Sejak awal penjajahan lagi orang-orang Eropah sama ada bangsa Perancis, Itali, Sepanyol, Malta dan Jerman di bawa ke Algeria dengan memberikan mereka keistimewaan politik dan bukan politik. Malah secara ringkas, kehidupan rakyat Algeria sejak awal abad 20M. sehingga perang dunia I cukup dihina dari segi politiknya.<sup>1</sup>

Tetapi tempoh antara 1914 - 1919M. penentangan rakyat semakin nyata. Muncullah kegiatan politik, sosial dan kebudayaan yang menentang sistem penjajah. Berlakulah beberapa perhimpunan, yang membawa kemunculan gerakan nasionalisme.<sup>2</sup>

Ada tiga aliran penentangan yang timbul iaitu aliran liberal dari kalangan mereka yang mendapat pendidikan di Barat yang memperjuang diwujudkan sistem demokrasi Barat, aliran kiri yang diwakili oleh parti komunis dan aliran sosialis. Sementara aliran ketiga ialah munculnya "Jemaah Ulama" yang ditubuh pada tahun 1930M. di bawah pimpinan Syaikh Abdul Hamid bin Badis.

Gerakan Abdul Hamid bin Badis lebih menekankan pendidikan kepada rakyat jelata. Beberapa buah madrasah dan kelab-kelab ditubuhkan. Rombongan demi rombongan dihantar ke Perancis untuk mengajar anak-anak Algeria yang berada di Perancis. Turut diterbitkan beberapa akhbar dalam bahasa Arab seperti *al-Najah*, *al-Shihab*, *al-Basa'ir* dan lain-lain.<sup>3</sup>

Justeru kegagalan yang menimpai ketiga-tiga aliran untuk mencapai kemerdekaan tahun 1945M. Mula tercetusnya pemberontakan bersenjata rakyat dan menjadi bertambah hebat pada tahun 1954M. yang lebih tertumpu kepada perjuangan bersenjata. Akhirnya perjuangan rakyat Algeria berjaya memerdekaan negara mereka tahun 1962 setelah memakan korban lebih dari satu juta rakyat.<sup>4</sup>

### Riwayat Hidup Ringkas

Berlatar belakang kepada suasana dan kondisi di atas, Malik bin Nabi lahir pada tahun 1905M. di Tebessa dalam wilayah Constantine di Algeria Timur. Kedua ibubapanya berbangsa Arab Muslim seperti keluarga Algeria lain cukup kuat berpegang kepada agama dan adat resam. Dari keluarga

---

<sup>1</sup>*Ibid.*, hal. 25.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 27.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 30 - 31.

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 31 - 32.

seumpama ini Malik bin Nabi terdidik. dia mendapat peluang belajar di Sekolah Agama dan Sekolah Perancis. Di samping sejak kecil terdidik dalam kebiasaan berulang alik ke masjid.<sup>1</sup>

Sejak kecil Malik bin Nabi sudah merasai realiti hidup yang sukar di bawah pemerintahan Perancis. Sejak pada usia 6 atau 7 tahun beliau sudah menyaksikan keluarganya yang terpaksa ke Tropoli Barat dalam satu penghijrah beramai-ramai.<sup>2</sup>

Ketika belajar di peringkat menengah, Malik bin Nabi amat berminat membaca.<sup>3</sup> Di samping belajar di sekolah Perancis masih terus belajar agama kepada seorang guru agama bernama Syaikh Abdul Majid. Beliau turut serta mendengar pengajaran agama dan bahasa Arab dalam halaqah-halaqah di masjid.

Selain dari mengikuti perkembangan melalui buku, akhbar dan pemerhatian, beliau banyak terpengaruh kepada Syaikh Abdul Hamid bin Badis. Abdul Hamid bin Badis amat terpengaruh kepada ajaran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh.<sup>4</sup>

Pengalaman hidup yang lebih sukar dirasakan oleh Malik, apabila beliau bekerja selepas tamat pengajian peringkat menengahnya selama lima tahun dalam sebuah negara yang dijajah.

Selepas itu, Malik bin Nabi memutuskan untuk menyambung pengajiannya ke peringkat tinggi. Ia mendapat sokongan dari kedua ibu bapanya. Walau bagaimanapun beliau gagal memasuki "Institute of Oriental Studies" bagi menjadi seorang peguam, disebabkan oleh dasar penjajah yang menge-nakan dasar politik, bukannya akademik.<sup>5</sup>

Semasa berada di Paris tertanam dalam dirinya pula keinginan untuk mendalami bidang Sains dan teknologi moden. Ini membawa beliau menukar haluan mengambil kursus kejuruteraan dan diterima belajar di bidang elektrik. Di situ beliau banyak membaca buku-buku Algebra, Geometri, Fizik dan

---

<sup>1</sup>Sila lihat, Malik bin Nabi, *Muzakkirat*, hal. 24.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 16, lihat sama, Ali al-Quraishi, *op.cit.*, hal. 32.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 48.

<sup>4</sup>Asma Rashid, *op.cit.*, hal. 6, 8.

<sup>5</sup>Ali al-Quraishi, *op.cit.*, hal. 33-34.

mekanik. Dalam pengajiannya ini Malik menemui pengalaman baru iaitu segala-galanya hendaklah "tepat", kesemua perkara tertakluk kepada "teknik". Malik mula berfikir bagaimana orang yang maju di bidang teknikal boleh memecahkan atom dan melancarkan roket.<sup>1</sup>

Di Paris juga Malik mula berminat dalam bidang falsafah, sosiologi dan sejarah. Persahabatan beliau dengan seorang pelajar falsafah dari Algeria, Hamudah bin Sa`i menambahkan lagi minatnya itu dan membuat keputusan terhadap kerjaya masa depannya sebagai penulis yang menumpukan pengkhususan dalam hal ehwal dunia Islam.<sup>2</sup>

Malik akhirnya berkahwin dengan seorang wanita Peranchis yang memeluk agama Islam dan menjadi pengikut setianya. Isterinya ini dianggap menjadi pembantu dalam pemikiran Malik.<sup>3</sup>

Ben Nabi adalah seorang pemikir, seorang konseptor dan bukan sebagai pelaksana. Beliau hanya melahirkan idea-idea untuk dilaksanakan oleh orang lain. Justeru itu beliau tidak pernah melibatkan diri dengan mana-mana parti politik. Beliau banyak bercakap tentang Tamadun (hadarah), sehingga menyedarkan Peranchis bahayanya pemikiran Malik.<sup>4</sup>

Apabila lahirnya gerakan kemerdekaan di Algeria beliau dituduh terlibat dalam gerakan tersebut dan Peranchis mahu menangkapnya. Beliau berundur ke Kahirah dan tinggal di tepi Universiti al-Azhar. Beliau kembali ke Algeria setelah negara itu mencapai kemerdekaan.<sup>5</sup>

Malik Bin Nabi amat mendalam kefahamannya tentang pemikiran Ibn Khaldun sehingga beliau banyak menghuraikan pendapat-pendapat Ibn Khaldun. Sebaiknya beliau menganggap Tasawwuf pula sebagai satu pelarian, yang cukup berkembang pada zaman kemunduran umat Islam.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Asma Rashid, *op.cit.*, hal. 14.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal. 15.

<sup>3</sup> *Ibid.*, Ali al-Quraishi, *op.cit.*, hal. 34.

<sup>4</sup> Abdul Latif Muda, *Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran*, Angkatan Belia Islam Malaysia, 1983, hal. 5.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Kenyataan ini jelas dalam buku-buku beliau terutama dalam *Vocation de l'Islam (1954M.)*, *Shurut al-Nahdah* (1948) dan lain-lain.

Pada tahun 1946M. Malik menulis bukunya *The Quranic Phenomenon* (bahasa Perancis), berikutnya 1947 beliau menulis pula *Labbayk* (bahasa Arab), diikuti tahun 1948, buku *The Conditions of the Renaissance* (bahasa Perancis), sementara tahun 1954 beliau menulis pula *Vocation de l'Islam* (bahasa Perancis) iaitu sebuah buku yang menyerlahkan tema utama Malik iaitu falsafah sosial.

Malik melalui buku terakhir ini membahagikan sejarah masyarakat Islam kepada tiga peringkat: pertama zaman kudus yang berakhir dengan perang Siffin. Kedua: zaman perkembangan kebudayaan dan peradaban dan berakhir dengan kejatuhan al-Muwahhid, sementara ketiga: Zaman kemunduran. Bukunya ini amat menarik dengan memperlihatkan konfrantasi yang dramatik antara dunia Islam dan dunia Barat. Di samping memperjelaskan suatu penilaian secara kritis terhadap pergerakan tradisionalis, refomis dan modenis di dunia Islam.<sup>1</sup>

Asma Rashid mensifatkan Malik bin Nabi seorang mujahid yang sepanjang hidupnya menentang pelacuran, sifat taksub terhadap sesuatu perkara, perhambaan mental dan fizikal. Seorang tokoh yang tidak gentar melihat kenyataan yang sebenar, dan dia sentiasa berada pada pihak benar dan pihak yang adil.<sup>2</sup> Beliau meninggal dunia pada 31 Oktober, 1973.

### Tamadun dan kebudayaan Islam

Ibn Khaldun di dalam bukunya *Muqaddimah* memberikan analisa terawal tentang tamadun Islam. Bukunya itu melebihi buku-buku lain, kerana tidak ada yang menyerupainya. Buku tersebut dibahagi kepada enam bab. Setiap bab menghuraikan satu atau lebih dari aspek-aspek tamadun Islam.

Susunan bab-bab itu ialah:

1. Pengenalan terhadap tamadun dunia secara umum.
  2. Pengajian tentang kehidupan badwi.
  3. Negara dan sistem pentadbirannya.
  4. Bandar-bandar: Asal usul dan pertumbuhannya.
  5. Kehidupan ekonomi dengan tumpuan khusus kepada kraftangan, bidang kemahiran dan perdagangan.
  6. Sains dan pengajaran, seperti ilmu Hisab, Algebra & Geometri,
- 

<sup>1</sup>Terjemahan Arab diterbit oleh Dar al-Fikr, Kahirah (1959) cetakan 2, Beirut (1970).

<sup>2</sup>Asma Rashid, *op.cit.*, hal. 35.

Sayangnya, pemikiran Ibn Khaldun tidak dikembangkan secara wajar oleh mereka yang selepasnya. Ia diabaikan berabad-abad sehingga bangsa Barat merumuskan pemikiran mereka tentang tamadun, beberapa orang Islam belajar ke Barat dan merasa perlu pula untuk mengembangkan semula tentang tamadun Islam, termasuklah Malik bin Nabi.

Dalam satu ceramahnya di al-Jazair tahun 1964, Malik menanyakan kembali: Apakah itu tamadun? ... Bagi menjawab persoalan ini katanya, banyak orang segera mendefinisikan dengan pengertian ahli-ahli antropologi iaitu "setiap bentuk dari bentuk-bentuk penyusunan bagi kehidupan manusia",<sup>2</sup> tetapi bagi Malik definisi ini terlalu luas, terutama apabila membincang hal yang bersangkutan dengan negara yang mundur.

Malik bin Nabi ingin mendefinisikan tamadun dari persepsi fungsional iaitu: "Sejumlah syarat-syarat akhlak dan kebendaan yang memberi peluang bagi masyarakat tertentu, bahawa bagi setiap individunya dalam setiap peringkat kehidupannya, sejak kecil hingga tua, di mana mereka dibantu. Justeru itu sekolah, makmal, hospital, sistem perhubungan, keamanan, penghormatan terhadap keperibadian individu terjamin, merupakan bentuk-bentuk yang membantu individu anggota masyarakat itu."<sup>3</sup>

Dengan kata lain, Malik bin Nabi melihat tamadun di negara maju Barat bukan dilihat hasil rekacipta baru mereka, tetapi tamadun itu adalah keseluruhan dari situasi sejarah yang menciptakan benih setiap idea, setiap jenis rekacipta dan setiap penghasilan tamadun itu. Menurut beliau lagi, natijah tidak akan mendahului sebab.<sup>4</sup>

Dengan itu, tamadun adalah yang mencipta penghasilan, bukan produks itu yang mencipta tamadun. Problem manusia masakini katanya, adalah "Problem tamadun". Lalu apabila orang Islam menyarungkan pakaian Eropah ke badan mereka sejak lima puluh tahun dahulu di kebanyakan negeri-negeri Islam, mereka tidak juga menjadi maju seperti orang Barat, malah masih tetap

---

<sup>1</sup>Muhammad Abdul Jabbar Beg, "Konsep Tamadun Islam Mengikut Ulama Islam dan Barat", dlm. *ISLAMIYAT*, Jilid 2, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1979, hal. 49-50.

<sup>2</sup>Malik Bin Nabi, "Mushkilah al-Hadarah" dlm. *al-Qadaya al-Kubra*, Dar al-Fikr, 1991, hal. 35.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 43.

<sup>4</sup>*Ibid.*, hal. 44.

mundur. Justeru umat Islam seolah-olah menganggap tamadun itu bermula apabila dapat menghasilkan produk, atau memakai pakaian Barat.<sup>1</sup>

Berbeza dengan orang Jepun, kata Malik, mereka sejak lima puluh tahun mampu berpindan dari zaman pertengahan kepada zaman moden. Setelah mampu menyediakan syarat-syarat kebendaan dan akhlak untuk menjadi negara maju, iaitulah hasil penyusunan masyarakat berasaskan akhlak yang membolehkan mereka mencapai kemampuan bagi menangani segala beban.<sup>2</sup> Ertinya, punca masalah tamadun ialah manusia dan idea mereka. Bukan penghasilan yang menentukan tamadun, tetapi hubungan yang berlaku antara "kemahuan" dan "kemampuan" masyarakat itu sendiri membangun dirinya atas kaedah tamadun.

Dari perbandingan ini, dalam masa lima puluh tahun lampau, Jepun berjaya mencapai kejayaan, sedangkan negeri-negeri Islam seperti mesir, gagal memenangi dirinya dari kmunduran, kerana terlalu berpegang kepada benda dan penghasilan, bukannya keseragaman manusia dan idea.

Dengan bahasa ilmu sosiologi, tamadun berlaku apabila adanya tiga unsur: bumi, masa dan manusia. Bumi dimaksudkan dengan bahan awalan. Masa pula adalah sains dan teknologi seperti penemuan letrik di sekitar akhir abad 18M., sedang manusia pula ialah unsur campurtangan idea dan kreativiti. Hasilnya, lampu letrik direkacipta sebagai satu hasil tamadun, apabila manusia, bumi dan masa beroperasi dan berhubungan.<sup>3</sup>

Dalam tahun yang sama, Malik juga melalui satu ceramahnya yang lain di al-Jazair, membincangkan tentang "kebudayaan". Beliau juga mempertanyakan apa itu kebudayaan? ... Jawabnya pula, kebudayaan bukan sekadar seni tradisional, drama, atau sastera tetapi lebih penting ialah memikirkan tentang pengangguran, buta huruf, kekurangan makanan dan seumpamanya.<sup>4</sup>

Masalah umat Islam di mana-mana ialah mereka kaya dengan ucapan dan tulisan, tetapi kurang berkesannya ucapan dan tulisan itu dalam bentuk praktikalitinya. Lihat sahaja, berapa banyak khutbah-khutbah di masjid setiap minggu, apalagi ucapan para pemimpin. Bandingkan dengan praktikalitinya? Soal kebudayaan kata Malik, bukanlah soalan pembelajaran, tetapi soal pengha-

---

<sup>1</sup>*Ibid.*, hal. 50-51.

<sup>2</sup>*Ibid.*, hal. 53.

<sup>3</sup>*Ibid.*, hal. 55.

<sup>4</sup>Malik Bin Nabi, "Mushkilah al-Thaqafah" dlm. *Ibid.*, hal. 69.

yatan!

Dalam kaitan antara kemunduran dengan kebudayaan ternyata yang kemunduran adalah berlaku oleh sebab kurang berkesannya individu. Kebudayaan lebih dipengaruhi oleh persekitaran berbanding dengan pengaruh ilmu. Kalau mahu dibuat perbandingan, maka masyarakat secara keseluruhan adalah sebagai "rahim" bagi kebudayaan. Kebudayaan pula tercantum dari berbagai-bagai warna, suara, bentuk, pergerakan, pemandangan dan pemikiran dari semua sudut.<sup>1</sup>

Kebudayaan bukan dicari tetapi ia menjadi sebagai oksigen yang kita mesti bernafas dengannya. Sekolah hanyalah menjadi faktor membantu antara faktor-faktor lain yang banyak.<sup>2</sup>

Kebudayaan Islam, fungsinya adalah umpama sebuah kapal yang di dalamnya ditumpangi oleh berbagai jenis ragam manusia. Di antara banyak golongan itu ada pula yang cuba berusaha mengorek kapal tadi. Maka kalau dibiarkan aktiviti mereka, bukan mereka sahaja yang akan tenggelam, sebaliknya semua penumpang lain atas kapal itu boleh tenggelam.

Justeru itu kebudayaan Islam mestilah mempertahankan warisannya.

#### Punca Masalah Tamadun: Manusia - Bumi - Waktu

Malik bin Nabi seperti diterangkan di atas mensyaratkan kebangunan tamadun oleh tiga unsur: manusia - bumi dan waktu. Soalnya: Bagaimana individu dapat memberi kesan kepada masyarakat bagi membangunkan tamadun.

Dalam bukunya: *Shurut al-Nahdah*<sup>3</sup> beliau menyatakan, manusia mestilah mengarahkan potensi kebudayaan, operasi dan modal ke arah satu matlamat. Banyak potensi yang hilang dan tidak digunakan kerana tidak arif menggunakan-kannya. "Pengarahan" bermaksud menjauhkan dari pembaziran dalam usaha dan waktu. Bagi umat Islam, pembaziran amat nyata banyak berlaku kerana tidak betul pengarahan, dalam bahasa sosiologinya, konsep pengarahan ini bila dikaitkan dengan konsep agama ia membawa erti "Jemaah" dan "Perjuangan".<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup>Ibid., hal. 80.

<sup>2</sup>Ibid., hal. 81.

<sup>3</sup>Diterbit oleh Dar al-Fikr, Dimasq, cetakan IV, 1987.

<sup>4</sup>Malik Bin Nabi, *Shurut al-Nahdah*, hal. 84.

Ertinya, perjuangan umat Islam bersimpang siur tidak tahu ke mana matlamat yang dituju. Malah ianya hilang di tengah retorik dan pengarahan yang tidak berkesan. Apabila membincangkan kebudayaan, perkara awal yang patut diperhatikan, ialah membetul pemesongan mana-mana adat resam yang langsung tidak berfaedah. Penghapusan boleh berlaku apabila wujudnya pemikiran baru. Itulah sebenarnya kebangkitan baru. Tetapi pemikiran baru amat miskin di dunia Islam.

Apa yang dikaji oleh Malik kebanyakannya hal yang berlaku pada orang Arab Islam khusus di Algeria. Teori tiga generasi Ibn Khaldun cuba diperjelas oleh beliau. Antara lain katanya:

"Saya masih ingat kehidupan datuk saya yang sudah tua. Seorang Arab yang pemurah seperti orang Arab dan Islam yang lain yang hidup sezaman dengannya. Pada masakini baru saya merasakan bahawa datuk saya itu hidup dalam keadaan yang tenang dan stabil tanpa merasai apa-apa masalah, samada dari segi kebendaan, kerana dia hanya hidup dengan cara yang amat sederhana, atau dari segi kejawaan justeru dia tidak menghadapi apa-apa problem, malah tidak merasai adanya apa-apa problem"

"Berlalu generasi itu dan tiba generasi bapa saya. Saya melihatnya berada dalam suasana baru khususnya pada masa perang dunia pertama. Dia mula merasakan wujud problem. Di hadapannya banyak perkara yang tidak mampu dibuat kecuali timbul tanda tanya ... Tegasnya, bapa saya hidup dalam satu generasi yang hilang ketenangan dalam diri. Namun tidak pula timbul semangat perjuangan bagi mengatasi problem yang ada di hadapan. Malah pada jangkaan saya dia tidak berusaha pun mengenal pasti problem itu hingga dia berupaya menanganinya secara jelas"

"Demikian generasi itu pergi tanpa mengenal erti kestabilan dan tidak tahu bergerak. Hingga datang generasi yang saya adalah sebahagiannya ... Generasi yang mula peka dan marah melihatkan penjajah menggunakan masjid-masjid dan Imam-imam bagi dakyah melawan revolusi kampung. Lalu kami bangun menentang secara kebudakan, walaupun mungkin mendatangkan kemerbahayaan kepada kami, tetapi itulah jalan paling ideal untuk kami ikuti. Apa yang penting kami merasakan ada problem, perasaan ini digambar melalui keadaan jiwa baru iaitu bangun menunaikan kewajipan. Paling tidak keluar dari kebekuhan atau keadaan serba salah: Kebekuan yang dialami datuk

dan bapa kami”<sup>1</sup>

Dengan kata-kata ini, Malik bin Nabi melihat halangan psikologi lebih menghantui kemunduran bangsa Arab dari satu segi, dan dari segi yang lain mereka tidak cuba mengambil faedah dari pengalaman orang yang terdahulu.<sup>2</sup> Halangan ini sebenarnya menjadi krisis yang dihadapi oleh bangsa Arab dalam pertumbuhannya. Ini menjadikan masyarakat malah individu sendiri berada dalam pergelutan dan tekanan antara unsur negatif yang mahukan dia senyap kerana tabiat manusia umumnya cenderung kepada kesenangan, dengan unsur positif yang mengajaknya membanting tulang dan bekerja, berjuang mendorong ke arah kemajuan yang menjadi risalah utama ummah.<sup>3</sup>

Tetapi, tokoh ini mengatakan tidak cukup dengan mengetahui penyakit tanpa merawatinya. Rawatan semestinya didahului dengan mengenal pasti punca penyakit dan tempat penyakit itu. Punca penyakit kalau mahu dirumuskan adalah:

“Sama ada kecacatan pada dunia individu, atau idea, atau alam benda atau hubungan di antara unsur-unsur ini.”<sup>4</sup>

Kerosakan manusia mudah nampak iaitu wujudnya golongan yang mengajak ke arah keburukan. Kalau sebahagian umat membina, mereka pula meruntuhkannya. Inilah kerosakan dalam skop individu seperti pencuri, pemabuk arak dan sebagainya mereka adalah penghalang kemajuan, malah mereka sendiri adalah penyakit yang hidup.<sup>5</sup>

Kerosakan idea pula dapat dilihat dalam sejarah umat Islam di mana banyak halangan ke arah tamadun kerana kerosakan idea. Kalau boleh dibuat bincian - ini tentunya sukar banyak sekali idea yang menjurumus masyarakat ke arah malapetaka sosial. Umpamanya silap memahami istilah-istilah yang membuat silap faham dalam pemikiran, atau tidak menghubungkan pemikiran secara tepat, apalagi kecacatan dalam metodologi boleh menjadikan  $2 + 2 =$

---

<sup>1</sup>Ceramah yang disampaikan oleh beliau di Damshiq pada tahun 1960. Lihat, Malik Bin Nabi, *Ta'mmulat*, Dar al-Fikr, cetakan V, 1991 hal. 20-21.

<sup>2</sup>Perkataan bangsa Arab dibaca dengan umat Islam, kerana sepanjang tulisannya, Malik cuba menganalisa masyarakat Arab sebagai sebahagian daripada umat Islam.

<sup>3</sup>Malik Bin Nabi, *Ta'mmulat*, hal. 21.

<sup>4</sup>Ibid., hal. 22.

<sup>5</sup>Ibid.

Contoh yang nyata, kompas direkacipta oleh orang-orang Arab Islam, tetapi Colombus mendapat faedah besar sehingga dengannya beliau menemui Amerika. Ahli-ahli tafsir Islam mengatakan dunia di atas tanduk lembu, maka justeru itu pemikiran seumpama ini menjadi penghalang kepada kemajuan hidup.

Dalam konteks masyarakat Malaysia umat Islam amat takut menjadi kaya, berkuasa dan berilmu tinggi atas alasan takut disalahgunakan harta, kuasa dan ilmu. Lantas di sekolah-sekolah agama sebelum merdeka atau awal kemerdekaan, tafsiran banyak mengaitkan harta dunia itu seperti bangkai, mereka yang mencari bangkai adalah anjing-anjing. Anak-anak perempuan tidak pula digalak belajar, takut nanti pandai menulis surat cinta. Bahasa Inggeris tidak digalakkan mempelajarinya takut nanti anak menjadi Kristian. Malah ramai yang terlibat dengan tasawuf tidak mahu kepada kekuasaan kerana takut melakukan kezaliman.

Soalnya, kenapa mereka tidak berfikir secara positif. Harta benda, ilmu dan kuasa adalah perkara yang patutnya menjadi alat bagi mereka bertaqwa kepada Allah. Orang berharta mampu melakukan ibadat umrah setiap tahun, membantu golongan miskin yang melarat, apa lagi jika dilihat dalam konteks maruah umat. Ilmu pula bagi wanita untuk mendidik anak-anak dengan sempurna, bukan semata-mata untuk masuk dalam pasaran pekerjaan. Apabila orang baik-baik meminggir diri dari kekuasaan maka belum tentu ia tidak disalahguna oleh golongan yang tidak baik, yang tentunya malapetaka akan jadi lebih berat.

Kerosakan pada alam benda lagi lebih jelas. Contoh elektrisiti, kalau kuasa voltage yang lebih besar katakan 220V, digunakan sedangkan lampu 120V dipakai, ia boleh membawa kepada kemasuhan.<sup>2</sup>

Sebenarnya, perbezaan masyarakat bertamadun dengan masyarakat yang kurang bertamadun ialah masyarakat bertamadun lebih memberikan jaminan sosial kepada individunya. Masyarakat mundur pula tidak mampu memberi apa-apa jaminan sosial kepada individunya.

Malik bin Nabi menyarankan kalau umat Islam maju mereka mestilah mempersiapkan syarat-syarat tamadun itu yang dibincangkan sebelum ini. Syarat utama kita sendiri mestilah lebih optimistik bukannya pisimistik.

---

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Ibid., hal. 24.

Mengambil sikap pisimistik menjadikan banyak perkara mustahil dilakukan. Maka sia-sia pula kita berusaha mencapai sesuatu yang sudah dianggap mustahil. Orang pisimis seolah-olah sudah memberi jawapan "mustahil" sebelum mengerjakannya lagi.

Perkara kedua ialah bahayanya psikologi "ambil mudah". Contohnya, orang Arab dan kaum muslimin memandang remeh kepada kekuatan Yahudi, malah tidak betul-betul menilai kemampuan mereka. Penulis masih ingat misalnya, Gamal Abdul Nasir mahu melenyapkan Israel dalam masa sekelip mata saja dengan menghumban mereka ke laut. Tetapi tahun 1967, Mesir dikalahkan sekelip mata oleh Israel. Sikap ambil mudah atau meremehkan masalah sama bahayanya dengan psikologi mustahil di atas. Ringkas kata, tidak harus menjadi amalan mereka yang ingin maju dua perkara: "Ah! mudah" dan "Ah! mustahil". Ini pula menjadi penyakit umat Islam masa kini.

## Kesimpulan

Malik Bin Nabi membincangkan persoalan tamadun dalam perspektif Islam secara meluas. Hampir setiap buku beliau memperkatakan hal ini, kerana menurut beliau ianya menjadi permasalahan umat masa kini. Kalau Jamaluddin membincangkan dari segi politik, Abdurrahman pula melihat dari sudut pendidikan, Malik melihat penyelesaian secara juz'i (atomism) tidak akan dapat mengatasi masalah. Beliau mahukan penyelesaian secara menyeluruh, merangkumi semua bidang.

Bagi Malik, masyarakat Islam sekarang sedang melalui period kesedaran untuk melahirkan satu tamadun sendiri dengan syarat agama dan kerohanian dijadikan asas. Tamadun awal Islam dimula dari gua Hira' adalah berunsur keagamaan. Ia dipimpin oleh roh. Kerohanian ini menjadi faktor asasi terdirinya tamadun. Asas kerohanian yang dapat mengarahkan idea, kerja dan modal akan mewujudkan persefahaman dan perseimbangan.

Malik bin Nabi dapat disenaraikan sebagai mereka yang berjasa seperti Ibn Khaldun, Ibn Taymiyyah, Muhammad Abdul Wahab, Al-Dihlawi, Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdurrahman, Abdul Hamid bin Badis, Iqbal, Sayyid Qutb, al-Banna, al-Nadwi, Maryam Jameelah dan Muhammad Asad dan beberapa ramai tokoh lagi seperti Mohamad Natsir di Indonesia yang sumbangan mereka akan diingati dalam membangun semula tamadun Islam. Bagi Malik, kegagalan umat Islam ialah kerana menyelesaikan masalah secara serpihan dan beliau menganjurkan supaya pemusatan diberikan perhatian terhadap "diri" umat Islam itu sendiri.

Malik mengajak kita kembali menilai diri dengan segala kekuatan dan kelemahan. Umat Islam mesti mengubati tiga penyakit besar iaitu pemikiran yang jumud, jiwa yang lemah dan iman yang telah padam sinar sosialnya. Wallahu a'lam.